

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L  
RAJAJI [ JELUTONG ]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 25**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada projek LRT (Light Railway Transit) akan dilaksanakan di Pulau Pinang.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui SPAD telah menerima permohonan Skim Kereta Api bagi projek LRT Pulau Pinang. Berdasarkan beberapa mesyuarat yang telah diadakan antara Menteri Pengangkutan, pihak Kerajaan Pulau Pinang dan SPAD dapat disimpulkan bahawa cadangan Skim Kereta Api bagi projek LRT ini perlu dikemaskini oleh pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan dikemukakan semula kepada SPAD untuk proses yang seterusnya.
2. Pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu memastikan bahawa perkara berikut dipatuhi sebelum Skim Kereta Api ini dapat diproses dan seterusnya diangkat untuk kelulusan Menteri:
  - i. SPAD memerlukan kelulusan bagi kajian ‘Detailed Environment Impact Assessment’ (DEIA) dikemukakan sebagai pra-syarat kepada SPAD untuk mempertimbangkan kelulusan Skim Kereta Api;
  - ii. SPAD juga memerlukan kelulusan Majlis Pembangunan Fizikal Negara untuk ‘Penang South Reclamation’ (PSR) dikemukakan memandangkan lokasi depoh terletak di ‘island A’ di dalam PSR; dan
  - iii. Proses keseluruhan sehingga kelulusan muktamad Skim Kereta Api akan mengambil masa sekurang-kurangnya 7 hingga 9 bulan tertakluk kepada semua syarat-syarat dipatuhi.

Sekian, terima kasih.